

## PETANG METAMORFISME (METAMORPHIC EVENING)

Laporan: Pada petang Sabtu, 26hb Oktober, 1985 suatu pertemuan mengandungi dua ceramah teknik (technical talks) telah berlangsung di Jabatan Geologi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Seramai kira-kira 40 orang ahli hadir di ceramah tersebut. Ini ialah ceramah teknik Persatuan Geologi Malaysia yang julung kali diadakan di Universiti Kebangsaan, yang bertujuan untuk meluaskan kegiatan Persatuan serta memberi peluang penyertaan lebih ramai ahli. Salah satu ceramah teknik tersebut telah disampaikan sepenuhnya di dalam Bahasa Malaysia; suatu perkembangan dan kemajuan Persatuan ini dalam usaha meletakkan Bahasa Malaysia sebagai bahasa ilmu, di luar dewan kuliah.


Dalam ceramah yang pertama, Dr. Hamzah Mohamad, pensyarah di Jabatan Geologi, UKM telah bercakap mengenai, "Perbandingan Fasies Metamorf Formasi Bukit Kenny dan Formasi Skis Dinding". Beliau berpendapat skis Dinding tidak semestinya telah mengalami metamorfisme pada gred (fasies) lebih tinggi daripada batuan Formasi Bukit Kenny kerana biotit yang ada di dalam skis Dinding, yang menunjukkan gred relatif tinggi itu, terbentuk kerana kesesuaian komposisi batuan enapan asal. Dr. Khoo Teng Tiong, Profesor Madya di Jabatan Geologi, Universiti Malaya dalam ceramah kedua yang bertajuk "Contact metamorphism and matrix recrystallization of the Setul Limestone, Langkawi" menyarankan bahawa pelet mikrit di dalam batu kapur ini adalah hasil metamorfisme sentuhan ( $< 400^{\circ}\text{C}$ ). Beliau juga mengemukakan tanda-tanda penghabluran semula batu kapur ini telah dibantu oleh fasa awal metamorfisme rantau (Patani).

Hamzah Mohamad: Perbandingan Fasies Metamorf Formasi Bukit Kenny dan Formasi Skis Dinding.


### Abstrak

*Kajian petrografi menunjukkan skis Formasi Bukit Dinding mengandungi himpunan stabil klorit + fengit + mikroklin, biotit + fengit + mikroklin, dan klorit + fengit + biotit. Skis dan filit di dalam Formasi Bukit Kenny pula hanya mengandungi himpunan stabil fengit (muskovit) + klorit. Garnet tidak wujud di dalam kedua-dua formasi.*

*Komposisi kimia batuan yang diplot di dalam gambarajah komposisi A'KF, dibantu oleh data mineralogi, mencadangkan biotit di dalam skis Formasi Dinding telah terbentuk melalui tindakbalas*




*yang telah dibuktikan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu berlaku pada gred rendah, dan*




*pada gred lebih tinggi. Di dalam Formasi Bukit Kenny pembentukan biotit adalah dijangka melalui tindakbalas kedua sahaja kerana ketiadaan mikroklin*


PETANG METAMORFISME



HAMZAH MOHAMAD



T.T. KHOO



VON KNORRING



DISCUSSIONS AT TEA-TIME

dalam endapan asalnya. Ini terbukti oleh 'indeks mikroklin'nya yang relatif tinggi.

Tindakbalas pembentukan biotit tanpa melibatkan mikroklin ini sangat dipengaruhi oleh komposisi batuan asal; batuan lebih beralumina perlukan grad lebih tinggi untuk membolehkan biotit terbentuk. Data kimia kedua formasi menunjukkan skis dan filit Formasi Bukit Kenny lebih beralumina. Dengan itu disarankan bahawa tidak semestinya grad (fasies) Formasi Bukit Dinding lebih tinggi berbanding Bukit Kenny; ketiadaan biotit cumalah kerana komposisi batuan Formasi Bukit Kenny tidak sesuai untuk membentuk mineral tersebut pada 'zon biotit'.